

NO. SOALAN : 221

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

SOALAN

Dato Haji Ahmad Nazlan bin Idris minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menambah jumlah diskaun bil elektrik rumah ibadat dari hanya sepuluh peratus kepada lima puluh peratus terutamanya kepada rumah ibadat yang terletak di luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Secara amnya, Kerajaan telah meluluskan kadar tarif elektrik untuk mencapai beberapa objektif. Pertamanya, untuk menampung pelaburan infrastruktur bekalan elektrik agar bekalan yang berdaya harap dan berkualiti dapat terus diberikan kepada pengguna. Keduanya, kadar tarif perlu berpatutan dan adil kepada pembekal elektrik dan juga pengguna di samping melindungi golongan yang berpendapatan rendah. Ketiganya, kadar tarif adalah munasabah bagi mengelakkan pembaziran elektrik dan menggalakkan amalan kecekapan tenaga.

2. Dengan mengambil kira prinsip-prinsip penetapan tarif ini, Kerajaan telah memberikan diskaun sebanyak 10% daripada jumlah bil kepada rumah-rumah ibadat dan Kerajaan belum bercadang untuk meningkatkan jumlah diskaun tersebut dalam tempoh terdekat. Ini kerana, pemberian diskaun yang tinggi

tidak menggalakkan para pengguna untuk menggunakan tenaga elektrik dengan cekap.

Sekian, terima kasih

.....